

PELAKSANAAN SISTEM PENILAIAN BESTARI
SATU TINJAUAN KE ATAS SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN
PEREMPUAN TEMENGGUNG IBRAHIM, BATU PAHAT, JOHOR
DAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DATO' PENGGAWA BARAT
PONTIAN, JOHOR.

ASMELINDA BINTI ISMAIL
BAHARIATULAINI BINTI BADRI
FAIZATUL AMLA BINTI ABD. HAMID

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
syarat penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan (Teknikal)

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC, 2001

Jasa dan pengorbanan Ayahanda Encik Ismail bin Ali dan
bonda Puan Halimah binti Samat tetap kukenang
hingga ke akhir hayatku.

Buat Ayahanda Tuan Haji Badri bin Haji Idris dan
Bonda Puan Hajah Aminah binti Haji Rabidin
yang tersayang serta abang dan kakak.

Buat Ayahanda Tuan Haji Abdul Hamid bin Teh
dan Bonda Puan Hajah Alang Mariah binti Haji Sabar
yang tercinta serta keluarga.

Teristimewa buat sahabat-sahabat kami yang disayangi
terima kasih di atas segalanya.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Bersyukur kami kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya kami dapat menyiapkan kajian kes ini pada masa yang ditetapkan.

Alhamdulillah, setelah melalui segala cabaran dan dugaan sepanjang tiga bulan ini dengan berkat kekuatan, kemahiran dan pengetahuan yang diberikan oleh Allah S.W.T. akhirnya terhasillah sebuah kajian kes bertajuk Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari Satu Tinjauan Ke Atas Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian, Johor.

Dikecuali ini dengan berbesar hati, kami merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada penyelia kami, Encik Asri bin Selamat dari Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Teknologi Kejuruteraan di atas segala tunjukajar, nasihat dan latihan yang membina bagi membolehkan kami menghasilkan satu kajian kes yang baik dan kemas.

Penghargaan ini juga ditujukan khas buat guru-guru Bestari dari Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian, Johor. Tidak dilupakan jua buat Puan Zaiton dan Puan Salmiah di atas kerjasama dan tunjukajar yang diberikan semasa menjalankan kajian kes ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Pelaksanaan Sekolah Bestari yang telah dirancang oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan satu agenda untuk memperlihatkan kecemerlangan pendidikan negara kita. Disamping itu, ia bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cerdas dan pandai, berpendidikan dan berpengetahuan serta berbudi pekerti mulia. Sistem Sekolah Bestari juga berasaskan kepada pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Salah satu instrumen program Sekolah Bestari yang dijalankan ialah Sistem Penilaian Bestari. Sistem ini memfokuskan kepada menilai juga merekodkan setiap kemajuan dan prestasi akademik yang dicapai oleh para pelajar. Oleh yang sedemikian, ia menjadi pengukur salah satu kejayaan Sekolah Bestari. Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan melihat sejauhmanakah pihak Pentabiran Sekolah, guru dan para pelajar memahami Sistem Penilaian Bestari dari segi pengetahuan, pendedahan, pelaksanaan dan permasalahan yang dihadapi. Kajian difokuskan kepada dua buah Sekolah Bestari di sekitar negeri Johor iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian. Kajian yang dijalankan akan melibatkan seramai 40 orang responden. Manakala borang soal selidik merupakan instrumen kajian yang akan digunakan didalam penyelidikan ini. Data-data yang diperolehi akan dianalisis dengan menggunakan perisian Microsoft Excel. Melalui hasil dapatan data-data tersebut kebanyakan menunjukkan aspek pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Pengkaji mengandaikan sikap guru yang memandang mudah dan tidak melaksanakan Sistem Penilaian Bestari merupakan faktor utama ia tidak diaplikasikan dengan sempurna di sekolah-sekolah Bestari tersebut. Maka dengan itu, diharapkan kertas kajian ini dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam memahami dan seterusnya dapat merealisasikan pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.

ABSTRACT

The implementation of Smart School have been planned by the Ministry Education of Malaysia. It is one's of the agenda to shown the excellent of our education system. The objective is to produce the smart, brilliant, excellent, educated and better students. The system provide for smart school is based on creative and critical thinking learning. One of the instrument using in this Smart School program is "Smart Evaluate System". Their focus is to evaluate and record the measuring development for every student. In this case study, the researcher will evaluate the management of the school teachers and students understand regarding the Smart School System. The case study is focus on two school that is Temenggung Ibrahim Girl School, Batu Pahat, Johor and Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian, Johor. It is involved forty respondent. Whereas, the questionnaires become the instrument using in this research. All the data will be analyze using the Microsoft Excell. The result from the data shows that the implementation of the Smart Evaluate System is not reach the target or the satisfaction yet. Researcher study the attitude of the teacher underestimate of the Smart Evaluate System. It become one of the factor that cannot be apply perfectly in those Smart School program. As far as being concern, and hope that this research would help any institution to understand and can adapt the implementation of Smart Evaluate System.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	PERAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Permasalahan Kajian	3
	1.3 Objektif Kajian	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Kerangka Teori	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Skop Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	8
	1.9 Kesimpulan	8

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	9
2.2	Penilaian Sekolah Bestari	14
2.3	Sekolah Bestari	19
2.4	Konsep Sekolah Bestari	20
2.5	Kesimpulan	21

BAB III PROSEDUR KAJIAN

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Lokasi Kajian	23
3.4	Sampel Kajian	23
3.5	Sumber Data	24
3.6	Instrumentasi Kajian	25
3.7	Kajian Rintis	25
3.8	Kerangka Kerja	27
3.9	Kaedah Kajian	28
3.10	Andaian	28
3.11	Kekangan	29
3.12	Analisis Data	29
3.13	Kesimpulan	30

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	31
4.2	Hasil Keputusan	31

4.2.1	Bahagian A	32
4.2.1.1	Jantina Guru	32
4.2.1.2	Bangsa Guru	33
4.2.1.3	Jawatan Pentadbiran	33
4.2.1.4	Pengalaman Berkhidmat	34
4.2.1.5	Kelulusan Akademik	35
4.2.2	Bahagian B	35
4.2.2.1	Aspek Pendedahan Mengenai Sistem Penilaian Bestari.	36
4.2.2.2	Aspek Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	40
4.2.2.3	Aspek Kesan Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	43
4.2.2.4	Aspek Kesan Sampingan Sistem Penilaian Bestari.	45
4.3	Kesimpulan.	47

BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan.	48
5.2	Rumusan.	48
5.3	Perbincangan.	50
5.3.1	Pendedahan Mengenai Sistem Penilaian Bestari.	50
5.3.2	Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	50
5.3.3	Kesan Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	51



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNJUN AMINAH

5.3.4	Kesan Sampingan Pelaksanaan Sistem	
	Penilaian Bestari.	52
5.4	Cadangan.	53
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan.	54
5.6	Penutup.	55
	BIBLIOGRAFI	56
	LAMPIRAN A - F	58



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Sekolah Bestari di Negeri Johor mengikut daerah.	21
3.1	Taburan guru yang dipilih dalam sampel kajian.	24
3.2	Taburan guru-guru yang dipilih dalam kajian rintis.	25
4.1	Peratusan menunjukkan sampel mengikut jantina.	32
4.2	Peratusan menunjukkan sampel mengikut bangsa.	33
4.3	Peratusan menunjukkan sampel mengikut jawatan pentadbiran.	34
4.4	Peratusan menunjukkan sampel mengikut pengalaman berkhidmat.	34
4.5	Peratusan menunjukkan sampel mengikut keputusan akademik.	35
4.6	Tafsiran skala likert.	36
4.7	Peratusan guru dan pandangan guru mengenai pelajar yang telah diberi pendedahan sistem Sekolah Bestari.	36
4.8	Peratusan guru dan pandangan guru mengenai pelajar yang telah diberi pendedahan Sistem Penilaian Bestari.	37
4.9	Peratusan guru dan pandangan guru mengenai pihak pentadbiran dan pelajar yang faham dan jelas mengenai Sistem Penilaian Bestari.	38
4.10	Peratusan guru dan pandangan guru mengenai pelajar yang bersedia untuk melaksanakan Penilaian Bestari.	39

4.11	Peratusan guru yang tahu dan mengaplikasikan Penilaian Bestari.	40
4.12	Peratusan kemudahan yang sedia ada dalam melaksanakan Penilaian Bestari.	41
4.13	Peratusan sistem sokongan dalam pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	42
4.14	Peratusan kesan dalam pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	43
4.15	Peratusan menunjukkan kesan sampingan dalam Pelaksanaan Sistem Penilaian Bestari.	



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Senarai Sekolah-Sekolah Bestari Di Malaysia.	58
B	Surat menjalankan Kajian Akademik Semester.	61
C	Surat permohonan menjalankan penyelidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat, Pontian, Johor.	64
D	Surat permohonan menjalankan penyelidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat, Johor.	66
E	Surat permohonan kebenaran untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.	68
F	Borang Soal Selidik.	69



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam bidang pendidikan, objektif pengajaran dan pembelajaran merupakan perkara yang amat penting. Tetapi sejauhmana pencapaian sesuatu objektif secara menyeluruh masih tidak dapat dikenalpasti. Oleh yang demikian, sesuatu penilaian diperlukan bagi membantu tenaga pengajar menilai kembali sama ada objektif pengajaran dan pembelajaran tercapai.

Penilaian boleh dilakukan dalam empat bentuk iaitu penilaian penempatan atau prakelayakan, penilaian formatif, penilaian diagnostik dan penilaian sumatif. Sekiranya keempat-empat penilaian tersebut dilaksanakan sepenuhnya, maka tenaga pengajar dapat melihat dengan jelas sama ada tahap pencapaian pelajar selari dengan objektif mereka.

Walau bagaimanapun bentuk penilaian tersebut lebih mengfokuskan kepada perkembangan kognitif pelajar. Ini bermakna hasrat negara yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek tidak dapat dicapai. Oleh yang demikian, kini diwujudkan Sistem Penilaian Bestari yang berbeza daripada sistem yang sedia ada agar dapat membantu merealisasikan Falsafah Pendidikan Negara. Sistem ini

berasaskan unsur dan rujukan kriteria tertentu untuk memberi gambaran holistik dan tepat tentang prestasi pelajar. Rujukan kriteria merupakan satu set kriteria yang standard. Penilaian Bestari juga berbentuk menyeluruh di mana ianya tidak hanya merangkumi pencapaian malah mencakupi aspek kesediaan, perkembangan dan bakat. Pendekatan ini akan memberi pelbagai maklumat bergantung kepada cara belajar dan kebolehan pelajar. Guru, pelajar dan ibu bapa akan dapat mengakses butiran penilaian melalui komputer. Penilaian Sekolah Bestari fleksibel dan mudah digunakan sambil menjamin mutu penilaian dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan alat. Ia menjurus kepada persijilan terbuka yang bukan sahaja menunjukkan pencapaian kumulatif pelajar, tetapi juga terbuka untuk peningkatan berterusan sepanjang hayat.

Penilaian Bestari hanya dilaksanakan di Sekolah Bestari. Sekolah ini merupakan sekolah yang ditubuhkan dengan tujuan untuk melahirkan pelajar yang cerdas dan pandai, berpendidikan dan berpengetahuan serta berbudi pekerti mulia. Gagasan Sekolah Bestari berhubung rapat dengan konsep pembelajaran bestari iaitu "*smart learning*" yang diadaptasikan daripada sistem pendidikan di Amerika Syarikat. Matlamat dan tujuan untuk memperkenalkan pendidikan dan sekolah bestari tampak terlalu telus, iaitu untuk memperlihatkan kecemerlangan di dalam bidang pendidikan di negara kita. Justeru itu, Kementerian Pendidikan Malaysia cuba menggarapi konsep bestari yang dipinjam itu ke dalam konsep budaya yang akan diterapkan ke dalam nilai masyarakat masa kini.

Secara khusus, objektif utama Sekolah Bestari ialah untuk melatih pelajar-pelajar supaya cerdas dan pandai menggunakan teknologi terkini dalam aktiviti pembelajaran mereka. Manakala, matlamat pembentukan sekolah-sekolah bestari pula ialah untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf dunia.

Konsep Sekolah Bestari bukan hanya setakat mengadakan makmal dan kelengkapan komputer di sekolah atau memasang papan buletin elektronik, kamera

digital, video interaktif, aplikasi multimedia, kad pintar dan sebagainya. Malahan, ia lebih daripada itu yang mana ia menggabungkan sistem pembelajaran berasaskan kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif serta mengembangkan minda pelajar. Oleh yang sedemikian ini bermakna guru bestari dijangka menghadapi tugas yang lebih mencabar untuk menyediakan kaedah pembelajaran yang terbaru (*fresh*) dan bertindak sebagai model kepada pelajar dalam menyaring, menapis, menganalisis dan membuat kesimpulan terhadap maklumat yang diperolehi.

Komputer akan digunakan secara meluas dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penilaian serta pentadbiran sekolah-sekolah bestari. Empat subjek utama dalam kurikulum pendidikan Sekolah Bestari iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains yang akan digunakan di dalam bilik darjah selaras dengan amalan pedagogi yang telah digariskan dalam perancangannya. Bahan-bahan tersebut akan memiliki sistem penilaiannya yang tersendiri dan ia digunakan untuk membantu proses pembelajaran dengan cara yang bersesuaian dengan tahap dan gaya pembelajaran seseorang pelajar.

Secara keseluruhan, boleh dikatakan dengan wujudnya Sekolah Bestari akan lahir lah generasi baru yang dapat memenuhi cita-cita dalam Falsafah Pendidikan Negara. Namun segala impian ini hanya akan tercapai jika sistem di Sekolah Bestari dapat dinilai secara objektif. Oleh itu kajian kes ini akan mengkaji sejauhmana Penilaian Bestari dilaksanakan di Sekolah Bestari agar kewujudan Sekolah Bestari yang menelan belanja berjuta-juta ringgit tidak sia-sia.

1.2 Permasalahan Kajian

Matlamat utama Sekolah Bestari memfokuskan tentang keperluan pembangunan tenaga kerja mahir dalam era maklumat dan untuk meningkatkan Falsafah Pendidikan Negara. Persoalannya, adakah kerangka pendidikan pintar

yang dirancang dalam sistem pendidikan negara kita kini mampu menuju ke arah pencapaian kepintaran yang sebenar ini ?. Permasalahan utama adakah sistem penilaian bestari ini betul-betul dapat diaplikasikan di sekolah-sekolah bestari ?. Perlu dipastikan pelaksanaan sistem penilaian bestari dapat dilaksanakan dengan betul. Bagi memastikan matlamat sistem ini dapat dicapai pihak pentadbir sekolah, guru dan pelajar di sekolah bestari mestilah benar-benar faham dan jelas tentang sistem penilaian sekolah bestari. Pendedahan sepenuhnya perlu diberikan kepada guru dan pelajar tentang sistem sekolah bestari ini.

Persoalan seterusnya adakah pihak-pihak ini telah diberikan pendedahan sepenuhnya dan berpengetahuan tentang sistem pendidikan baru ini, dan mampukah mereka melaksanakan sistem ini ?. Kita bimbang sekiranya perancangan yang dijalankan hanyalah sekadar meniru sistem yang dilaksanakan di luar negara. Yang berbeza hanya aspek pendekatan yang perlu dibuat sebagai penyesuaian dengan realiti setempat sahaja, tanpa apa-apa perubahan konsep asas.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimanakah sistem penilaian yang dilaksanakan di sekolah bestari, samada sekolah-sekolah tersebut melaksanakan penilaian bestari.

Beberapa objektif yang ingin dikaji dalam penyelidikan ini ialah untuk mengetahui:

1. Pengetahuan pihak pentadbir sekolah terhadap Sistem Penilaian Bestari.
2. Pendedahan pihak guru sekolah tentang sistem sekolah bestari.
3. Penjelasan kepada pelajar terhadap Sistem Penilaian Bestari.
4. Pelaksanaan pihak sekolah terhadap Sistem Penilaian Bestari.
5. Permasalahan yang mungkin timbul dalam pelaksanaan Sistem.

1.4 Persoalan Kajian


Persoalan kajian menumpukan kepada penjelasan dan kefahaman tentang pelaksanaan penilaian bestari oleh pihak pentadbir, guru dan pelajar-pelajar .

1. Adakah guru telah diberi pendedahan atau kursus mengenai sistem penilaian bestari?
2. Adakah penilaian bestari dilaksanakan di sekolah bestari, SMK Temenggung Ibrahim dan SMK Dato' Penggawa Barat?
3. Apakah kesan Sistem Penilaian Bestari yang dilaksanakan?
4. Apakah masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan sistem penilaian bestari?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.5 Kerangka Teori



1.6 Kepentingan Kajian

Pengkaji ingin melihat adakah benar sistem penilaian bestari dilaksanakan di sekolah-sekolah bestari, dan adakah pihak pentadbir sekolah, guru dan pelajar itu sendiri faham dan jelas tentang sistem Penilaian Bestari itu.

Hasil kajian ini adalah penting untuk dijadikan asas kepada pihak sekolah supaya dapat melaksanakan sistem Penilaian Bestari dengan sepenuhnya dan mempunyai pengetahuan yang jelas mengenainya.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan mendedahkan kepada pengkaji kepada dunia pendidikan terkini yang dapat memberi persediaan kepada pengkaji apabila memasuki dunia pendidikan sebenar.

1.7 Skop Kajian

Sekolah Menengah Kebangsaan Perempuan Temenggung Ibrahim, Batu Pahat dan Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat yang terletak di Pontian dipilih sebagai tujuan atau skop kajian ini. Kajian ini akan memfokuskan kepada pihak pentadbiran sekolah, guru-guru dan para pelajar di Sekolah Bestari tersebut. Pengkaji hanya mengkaji sampel iaitu sebahagian kecil individu yang mewakili populasi sahaja.

1.8 Definisi Istilah

Pengetahuan

Sesuatu yang diketahui atau dipelajari berkenaan sesuatu. (Kamus Dewan edisi ke-3, DBP, 1998)

Pelaksanaan

Perihal atau perbuatan melaksanakan sesuatu rancangan. (Kamus Dewan edisi ke-3, DBP, 1998)

Penilaian

Perihal atau perbuatan menilai atau pentaksiran. (Kamus Dewan edisi ke-3, DBP, 1998)

Sekolah

Tempat untuk belajar dan mengajar. (Kamus Dewan edisi ke-3, DBP, 1998)

Bestari

Membawa maksud cerdas, pandai, berpendidikan, berpengetahuan dan berbudi pekerti yang baik. (Kamus Dewan edisi ke-3, DBP, 1998)

1.9 Kesimpulan

Penyelidikan ini penting kerana menyedarkan kita tentang kepentingan Pelaksanaan Penilaian Bestari dikalangan guru-guru Sekolah Bestari. Alasan negatif guru-guru mengenai pelaksanaan ini perlu diketepikan. Sebaliknya guru perlu banyak merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Menurut Najib Mohd. Ghafar, penilaian adalah satu proses yang sistematik yang melibatkan pengumpulan, penganalisan dan penginterpretasian keterangan tentang setakat mana pelajar telah mencapai objektif pengajaran. Ia melibatkan satu proses mengukur dan membuat pertimbangan tentang kebolehan dan keupayaan murid berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Ia menjawab soalan sebaik mana pencapaian pelajar tadi dalam proses pembelajarannya. Secara ringkas, untuk menilai sesuatu hasil pembelajaran guru melakukan pengukuran dengan menggunakan ujian sebagai alat membuat pertimbangan yang wajar.

Penilaian sentiasa dilaksanakan di sekolah-sekolah atau di institusi – institusi lain menyebabkan kita sering menganggap bahawa ia hanya satu teknik bagi mendapatkan maklum balas tentang pengajaran atau pembelajaran. Guru mungkin akan menghadkan tugas menilai dengan melakukan peperiksaan akhir untuk menentukan prestasi pelajar di akhir kursus atau tempoh tertentu (contohnya satu semester). Sebenarnya ia adalah satu proses yang berterusan dari awal hingga akhir pengajaran berdasarkan prinsip-prinsip penting seperti berikut:

- i. Menentukan dengan jelas apa yang akan dinilai
Kepentingan prinsip mendahului perkara teknikal yang bersangkutan dengan ujian. Apabila menilai kebolehan pelajar, adalah perlu ditentukan apa yang ingin dinilai dengan jelas, barulah ditentukan soalan dan bukan sebaliknya. Ini disebut sebagai objektif.
- ii. Teknik harus dipilih berdasarkan kaitan dan kesesuaian terhadap ciri-ciri atau pencapaian yang akan diukur
Beberapa teknik hanya sesuai untuk beberapa jenis ujian sahaja dan tidak kepada ujian yang lain. Sebagai contoh, ujian bertulis mungkin tidak sesuai untuk menilai kemahiran mengendalikan alat. Guru harus menyoal apakah teknik yang paling sesuai untuk mengukur jenis kemahiran yang bakal diukur. Kebanyakan guru hanya menggunakan kaedah pensil dan kertas.
- iii. Pengukuran yang komprehensif memerlukan berbagai-bagai kaedah
Kaedah tertentu mungkin sesuai untuk menguji kebolehan dalam beberapa perkara sahaja, tetapi tidak dalam perkara lain. Dengan itu, penilaian kemahiran keseluruhan pelajar memerlukan penyatuan berbagai-bagai kaedah. Sebagai contoh, ujian menggunakan soalan (butiran) jenis aneka pilihan hanya sesuai untuk menguji tahap pengetahuan, kefahaman dan kegunaan. Soalan jenis esei adalah lebih sesuai untuk menguji kebolehan kreativiti, inovasi dan peringkat yang lebih tinggi. Ujian prestasi akademik (kognitif) seringkali disalahgunakan dalam penilaian prestasi tatakkerja dan sikap pelajar. Prestasi kerja perlukan ujian bentuk lain.
- iv. Penggunaan sesuatu teknik memerlukan kesedaran tentang had teknik tersebut
Memahami had sesuatu ujian untuk menerangkan kebolehan pelajar boleh membantu guru menyedari bahawa ujian beliau mungkin tidak seratus peratus tepat dan ia boleh dipersoalkan. Contohnya, ujian piawai yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan seperti SPM dan STPM mungkin

jarang sekali dipertikaikan keputusannya oleh orang ramai kerana disediakan oleh para pakar. Sebaliknya, ujian yang dibentuk di dalam bilik darjah mungkin dipersoalkan daripada segi markah yang diberikan oleh pemeriksa dan juga butiran-butiran ujian iatu sendiri. Ujian bilik darjah selalunya disediakan tanpa bantuan pakar luar. Dengan itu, keputusan peperiksaan bilik darjah adalah terhad kepada prestasi bilik darjah itu sahaja dan mungkin tidak sesuai digunakan untuk tujuan lain. Sesuatu penilaian seharusnya mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

- v. Penilaian selalu dikaitkan dengan sesuatu kegunaan masa depan, seperti meramalkan kejayaan pelajar dalam sesuatu kursus. Kerap kali terdapat salah guna dengan kebolehan pelajar yang hanya didasarkan kepada satu ujian sahaja. Fungsi penilaian tidak lebih daripada hanya dapat dijadikan satu petanda dan ia tidak mutlak. Kadangkala seseorang yang dinilai cemerlang di peringkat sekolah menengah mungkin tidak menunjukkan prestasi yang sama semasa di universiti. Guru harus juga mengambilkira faktor lain untuk meramal kejayaan pelajar pada masa akan datang.

Semasa mengajar, guru mungkin menghadapi berbagai-bagai persoalan.

Antaranya ialah, kekerapan pengukuran dan penilaian dan jenis-jenis penilaian yang harus dilakukan dalam sesuatu peringkat. Persoalan-persoalan lain termasuk sejauh mana rancangan kerja menjadi kenyataan; adakah pelajar telah bersedia? Sejauh mana pengajaran berjaya? Sejauh mana program mencapai matlamat? Bilakah masa yang sesuai untuk ulangkaji? Pelajar manakah yang kurang mampu belajar? Dan pelajar manakah yang perlu pembelajaran pemulihan? Kesemuanya memerlukan proses penilaian. Menurut Slavin padatahun 1986, lima sebab utama kenapa penilaian diadakan adalah seperti berikut:

- i. Memberi insentif kepada pelajar untuk lebih berusaha dan berjaya
- Mengikut teori pengharapan, seseorang pelajar yang menganggap kejayaan banyak bergantung kepada usaha dan usaha menghasilkan kejayaan akan

melipatgandakan usaha mereka dan secara tidak langsung akan berlaku pertambahan ilmu dan pengetahuan. Ia sebagai penggerak supaya murid mengulangkaji dan belajar.

- ii. **Memberi maklumat balik kepada pelajar**
Pelajar harus tahu bahawa hasil pembelajaran adalah untuk menilai kekuatan dan kelemahan mereka. Maklumat balik penilaian mestilah setepat yang mungkin. Pelajar yang menerima pelbagai bentuk gred dan komen dari guru didapati lebih berjaya pada masa akan datang berbanding pelajar yang hanya menerima keputusan dalam satu bentuk gred sahaja.
- iii. **Memberi maklumat balik kepada guru**
Guru perlu mengesan kejayaan pengajaran. Penggunaan pemerhatian tak formal tidak memungkinkan guru dapat menentukan dengan tepat kesan pengajaran mereka. Kesilapan utama guru ialah membuat anggapan bahawa tidak terdapat masalah pembelajaran kerana proses pengajaran berjalan begitu lancar. Penilaian yang formal dan sistematik diperlukan.
- iv. **Memberi maklumat balik kepada ibu bapa atau penjaga**
Penjaga ingin tahu perkembangan pembelajaran anak-anak mereka dan dengan itu mereka boleh membantu proses pembelajaran semasa di rumah. Secara tidak langsung, penilaian bertindak sebagai insentif untuk berjaya sekiranya ibu bapa atau penjaga bertindak dengan tepat apabila menerima laporan prestasi anak mereka. Mereka amat berminat menjalankan proses pemulihan atau pengkayaan ilmu untuk anak-anak mereka selepas memperoleh maklumat balik penilaian.
- v. **Membantu pemilihan pembelajaran lanjutan**
Keupayaan dan kemahiran pelajar berbeza di antara satu dengan yang lain. Penempatan mereka untuk naik tingkatan atau mendapat pekerjaan selepas

BIBLIOGRAFI

- Balla, J. Dan Boyle, P. (1994). *Assessment of Student Performance: A Framework for Improving Practice. Assessment and Evaluation in Higher Education*, 19(1), 17-28.
- Black, T. R. (1994). *Designing Quantitative Social Science Research*, Vol. 2, Department of Educational Studies, University of Surrey.
- Dowdeswell, W. H. (1979). *Assesment of Projects in University Science, Assesment in Higher Education*, 4(2), 94-118.
- Ee Ah Meng. (1993). *Pedagogi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Gronlund, N. E. Dan Linn, R. L. (1990). *Measurement and Evaluation in Teaching*, New York: Collier MacMillan Publishers.
- Hopkins, D. (1989). *Evaluation for School Development*, Milton Keynes: Open University Press.
- Khiong, Y. Y., Seng, W. C. Dan Ismail Abu Bakar. (1989). *Pengukuran dan Penilaian dalam Pendidikan, (Edisi Ke 3)*, Petaling Jaya: Longman Malaysia.
- Mehrens, W. A. Dan Lehman, I. J. (1984). *Measurement and Evaluation in Education in Education and Psychology*, Holt-Saunders Int.

Mohd Najib Ghafar. (1997) *Penilaian dan Analisis Ujian Bilik Darjah*, Johor: UTM.

Mohd Najib Ghafar. (1999) *Penyelidikan Pendidikan*, Johor: UTM.

Mokhtar Ismail. (1995). *Penilaian Di Bilik Darjah*, Kuala Lumpur: DBP.

Mok Soon Sang (2000). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman.

Popham, W. J (1981). *Modern Educational Measurement*, New Jersey: Prentice-Hall Inc.

Rowntree, D. (1977). *Assessing Student: How Do We Know Them?* London: Harper and Row.

Title, C. K. Dan Miller, C. M. (1976). *Assessment Attainment*, London: IARC.

Vockell, E. L. (1983). *Educational Research*, New York: McMillan.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNJUNGAN AMINAH